

02/09/2000

Majlis penutup rekrut Wataniah

SEJAK kebelakangan ini, sokongan sektor swasta terhadap seruan kerajaan supaya lebih ramai syarikat menyertai program Wataniah mula mendapat sambutan.

Menyedari hakikat itu, Deltaria Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Farid Associates (FA) menyahut seruan menyertai program Wataniah dengan menghantar 30 kakitangan mengikuti latihan rekrut siri 1/2000, Februari lalu.

Aktiviti itu diikuti latihan rekrut siri 6/2000 bermula 14 Julai hingga 14 Ogos lalu dengan menghantar 27 kakitangan.

Kursus selama empat minggu yang diadakan di Hutan Lipur Sungai Sendat, Ulu Yam itu antara lain bertujuan melatih dan membina jati diri peserta agar dapat memupuk semangat juang dan cintakan negara.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Farid Associates (FA Group), Datuk Muhammad Farid Ridhwan, berkata, melalui program itu, kakitangan Deltaria mempunyai semangat juang dan nasionalisme yang jitu terhadap diri sendiri, keluarga dan negara.

Muhammad Farid berkata, ini sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang inginkan rakyat cergas, cerdas bagi menjana minda agar mendorong ke arah pencapaian wawasan negara.

"Sememangnya, negara memerlukan belia yang sedia dikerah demi mempertahankan negara apabila diperlukan," katanya pada majlis penutup latihan itu di Hutan Lipur Sungai Sendat, Ulu Yam, di sini, 13 Ogos lalu.

Pegawai Latih Rejimen 502 Askar Wataniah, Mejar Jilani Jais, berkata nilai ketenteraan seperti tatatertib, kerjasama, ketabahan dan pengorbanan merupakan unsur penting yang mesti diamalkan demi pembentukan keperibadian yang baik.

Program empat minggu itu turut dimeriahkan dengan penganugerahan hadiah kepada rekrut yang menunjukkan prestasi terbaik sepanjang latihan berkenaan.

Antara anugerah yang dimenangi ialah Rekrut Penembak Terbaik yang disandang Ling Kean San; Rekrut Akademik Terbaik yang dimenangi Cik Darmawati Daud; Rekrut Kawad Terbaik diraih Jamdey Manggoh dan Rekrut Terbaik Keseluruhan dirangkul oleh Wan Saufi Wan Ahmad.

Turut hadir pada majlis penutup itu ialah Pemangku Timbalan Komander Regimen 502 Askar Wataniah, Mejar Ishak Shamsuddin.

(END)